

## **Malaysia, Thai rancang HSR**

---

SEPANG : Malaysia dan Thailand sedang merancang untuk membina projek kereta api rel berkelajuan tinggi(HSR) yang bakal menghubungkan Kuala Lumpur dan Bangkok pada masa hadapan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, sebuah jawatankuasa khas yang dianggotai pegawai kanan daripada Kementerian Pengangkutan kedua-dua negara telah ditubuhkan bagi menilai dan merancang projek tersebut.

“Perancangan untuk melaksanakan projek HSR Kuala Lumpur- Bangkok ini masih dalam peringkat perbincangan,” Katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan tren baru KLIA Ekspres di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur(KLIA) di sini hari ini.

Menurut Tiong Lai, perancangan bagi pelaksanaan projek HSR baharu itu dijangka dapat menghubungkan laluan HSR antara Kuala Lumpur – Singapura yang dijangka siap pada 2026.

Dalam pada itu, Tiong Lai berkata , menjelang 2027 pihaknya menganggarkan panjang laluan rel di Malaysia akan mencecah 3,000 kilometer(KM) hasil kejayaan pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Massa(MRT) dan HSR Kuala Lumpur- Singapura.

Beliau berkata, pembinaan rangkaian perkhidmatan rel yang cekap bagi menghubungkan kawasan-kawasan utama di seluruh negara sangat penting terutamanya bagi mengurangkan kesesakan di jalan raya ketika musim perayaan dan menjana ekonomi setempat.”

Pada sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini di China, kira-kira 90 juta orang telah menggunakan perkhidmatan tren sepanjang tempoh dua minggu perayaan tersebut. Jumlah pergerakan tersebut sangat tinggi.

Kejayaan China membina rangkaian perkhidmatan tren bagi kemudahan dan keselesaan rakyatnya sangat cepat hanya dalam tempoh 10 tahun sahaja.

Malaysia juga sekarang dalam perancangan untuk meningkatkan perkhidmatan ini bagi menghubungkan lebih banyak kawasan diseluruh negara,”katanya.

---

**SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 16 | 14 MAC 2018**